

LATIHAN 1

*Baca Petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu **rumusan** yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kini peranan sukan menjadi semakin penting kepada negara. Hal ini demikian kerana sukan banyak memberikan manfaat bukan sahaja kepada atlet malah kepada semua pihak yang berkaitan dengannya. Fungsi sukan daripada kegiatan kecergasan fizikal untuk memperoleh kesihatan tubuh badan, telah berubah menjadi bidang yang dipertandingkan untuk mencapai kemenangan. Sukan juga dapat membantu mengharumkan nama negara di persada dunia. Malaysia kini lebih dikenali oleh masyarakat dunia kerana pencapaian yang cemerlang dalam sukan badminton, hoki dan skuasy.

Dari segi ekonomi pula, sukan telah menjalinkan hubungan erat antara pihak sukan, media dan syarikat pengiklanan. Stesen-stesen penyiaran berlumba-lumba untuk membuat liputan secara langsung sesuatu acara sukan. Begitu juga syarikat pengiklanan yang tidak putus-putus mahu menjadi penaja utama. Hal ini menunjukkan bahawa sukan dapat menjana ekonomi menerusi pengiklanan dan penajaan. Pengeluar sesuatu barang sanggup mengeluarkan perbelanjaan promosi sehingga berjuta-juta ringgit kerana meyakini pulangan yang diperoleh amat lumayan.

Seterusnya, sukan dapat dijadikan sebagai alat integrasi dalam usaha menyatupadukan segenap lapisan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Tambahan pula, tiada kegiatan sukan yang mengkhususkan sesuatu kaum sahaja. Kegiatan sukan sudah pasti memberikan peluang untuk atlet pelbagai kaum berinteraksi, bekerjasama dan menyemai konsep memerlukan antara satu sama lain. Secara tidak langsung, sukan dapat mengurangkan prasangka yang selama ini mencacatkan perpaduan kaum. Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, perkara asas yang perlu ditekankan ialah keamanan yang diperoleh menerusi perpaduan kaum.

Selain itu, jalinan politik antara negara juga dapat diperkukuh dengan pelbagai temasya sukan yang dianjurkan seperti Piala Dunia, Sukan Olimpik, Sukan Komenwel dan Sukan SEA. Bagi individu pula, sukan membentuk keyakinan diri sendiri untuk memperoleh kejuaraan. Dengan bersukan juga, seseorang itu dapat memanfaatkan masa yang terluang daripada menghabiskan waktu dengan aktiviti yang tidak berfaedah atau sekadar bermalas-malasan. Malah sukan juga sebagai alat melepaskan tekanan selepas penat mengulang kaji pelajaran

Karangan Rumusan

Petikan membincangkan faedah aktiviti bersukan. Antara faedahnya,

.....

Seterusnya,

Selanjutnya,

Selain itu,

Di samping itu,.....

Seterusnya,

Selanjutnya,

Selanjutnya,

Selain itu,

Akhir sekali,

